

19 AUG 2002

Mahathir-Herbal/I

DR MAHATHIR LAWAT HOSPITAL UBAT-UBATAN TRADISIONAL YANGON

Oleh: Rohana Mustaffa

YANGON, 19 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakhiri lawatan dua harinya ke Myanmar petang ini dengan melawat Hospital Ubat-ubatan Tradisional Yangon.

Hospital yang mempunyai 50 katil itu, ditubuhkan oleh Jabatan Ubat-ubatan Tradisional Kementerian Kesihatan Myanmar bagi menyediakan rawatan seperti fisioterapi tradisional, rawatan penyakit neurologi dan tulang, sakit puan dan kaedah pemulihan luka secara tradisional, dengan menggunakan ubat-ubatan berasaskan herba.

Semalam, pada pertemuannya dengan Pengerusi Majlis Kedamaian dan Pembangunan Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe, Perdana Menteri menyatakan minat terhadap industri herba Myanmar.

Dalam lawatan ke hospital itu, Dr Mahathir meluangkan masa 30 minit menyaksikan pelbagai ubat-ubatan herba yang dikeluarkan oleh hospital itu.

Ketua Pengarah Jabatan Ubat-ubatan, Kementerian Kesihatan Myanmar, Jeneral Dr Thein Swe ketika memberi taklimat kepada Dr Mahathir berkata, kerajaan Myanmar menggalakkan kemajuan ubat-ubatan tradisional dan herba dan telah menubuhkan Universiti Ubat-ubatan Tradisional yang menawarkan kursus peringkat ijazah.

Kegiatan penyelidikan mengenai penyakit seperti kencing manis, tekanan darah dan barah kini dijalankan di pusat penyelidikan klinikalnya.

Terdapat sebuah taman herba di hospital itu bagi tujuan pembelajaran dan kegunaan hospital. Myanmar mempunyai sembilan taman seumpama itu di seluruh negara.

Menurut Dr Thein Swe, kebanyakan daripada 50 juta rakyat Myanmar menggunakan ubat-ubatan tradisional.

Dr Mahathir juga telah melawat Taman Maklumat dan Komunikasi Myanmar (MICT) yang terletak di University of Yangon.

Antara projek terbaru taman itu ialah mengeluarkan e-pasport yang serupa dengan yang digunakan oleh rakyat Malaysia. Setakat ini, MICT telah mengeluarkan 5,000 pasport jenis itu.

Perdana Menteri juga singgah di Sekolah Rendah Pendidikan Asas di bandar Kamayut.

Sekolah ini menggunakan konsep sekolah bestari manakala semua kemudahan di sekolah itu dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia dari Malaysia.

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas pulang dari sini pada 5.20 petang waktu tempatan.

Jeneral Kanan Than Shwe dan pegawai-pegawai kanan Myanmar yang lain berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri dan isteri.

-- BERNAMA

RON MSL MAI